

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK HAJI SHAHABUDIN BIN YAHYA
[TASEK GELUGOR]**
- TARIKH** : **8 JUN 2015 (ISNIN)**
- SOALAN** : **Datuk Haji Shahabudin bin Yahya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenengahkan atau mempromosikan tanaman hidroponik di Malaysia atau sekiranya ada, apakah status berkenaan cara penanaman ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tanaman hidroponik adalah salah satu kaedah bagi penanaman sayuran berdaun selain kaedah fertigasi; yang mana kaedah ini merupakan antara teknologi penanaman yang boleh digunapakai untuk pengeluaran hasil tanaman sebagai alternatif kepada kaedah konvensional. Penanaman secara atas struktur dengan penggunaan baja air ini lazimnya dijalankan secara manual yang melibatkan penanaman sayuran secara skala kecil.

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum bercadang mengenengahkan atau mempromosi tanaman hidroponik di

Malaysia secara meluas. Ini adalah disebabkan tanaman dengan kaedah hidroponik ini memerlukan pengurusan yang rumit. Justeru itu, kaedah penanaman ini kurang sesuai dilaksanakan secara komersial berskala besar selain kosnya yang agak tinggi dan pemasaran yang terhad. Ketika ini, kaedah penanaman ini dilaksanakan secara kecil-kecilan sahaja di kawasan kediaman. Untuk tujuan itu, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah memperkenalkan kaedah penanaman hidroponik ini menerusi program “Jom Bertani” dan “Pertanian Bandar” yang membolehkan individu dan pengusaha yang berminat mengusahakan kaedah penanaman ini secara kecil-kecilan di kawasan kediaman atau komuniti masing-masing.